

**KERTAS CADANGAN
KARYA**
untuk penyertaan
**BAKAT MUDA SEZAMAN
2023**

CERITA PASAR
ARIKWIBOWO AMRIL

KERTAS CADANGAN KARYA untuk penyertaan BAKAT MUDA SEZAMAN 2023

Judul Karya: Cerita Pasar

Ukuran: Pelbagai size

Bahan: Pelbagai bahan

jenis karya: interaktif

KONSEP KARYA

Cerita Pasar merupakan karya interaktif yang akan dilakukan dipasar. Didalam karya ini saya cuba menghasilkan ruang 'popup' atau ruang sementara dilokasi yang didalamnya terdapat pelbagai bahagian yang melibatkan bekas pelajar seni halus. Melalui karya ini juga saya ingin membuka pemikiran masyarakat memahami seni dan cara seni agenda seni ini beroperasi.

Karya ini juga satu eksperimen saya memahami parasan seni bagi golongan marhean yang kurang terdedah mengenai seni.

Salah satu idea yang menarik dengan projek seni ini melibatkan komuniti yang meraikan pelbagai cerita, budaya dan aspirasi ahli komuniti. Karya ini boleh dibuat di ruang awam, menjemput orang ramai dari semua peringkat umur dan latar belakang untuk mengambil bahagian dalam penciptaannya. Setiap peserta boleh menyumbangkan ekspresi artistik mereka yang unik, mewakili naratif, impian dan nilai peribadi mereka. Karya seni kolaboratif ini bukan sahaja akan mengindahkan komuniti tetapi juga berfungsi sebagai simbol perpaduan, daya tahan dan identiti bersama yang kuat. Ia akan menyediakan platform untuk dialog, persefahaman dan hubungan, memupuk semangat kekitaan dan kebanggaan yang kuat dalam komuniti.

BENTUK KARYA

Karya ini bersifat popup art atau karya interaktif dimana saya akan membuka gerai dipasar dan didalam gerai tersebut terdapat pelbagai bahagian, diantara bahagiannya adalah:

- 1) Seniman dan merchandise
 - menjual lukisan komersial
 - lukisan portrait atau caricature
 - produk dari seniman
- 2) Sesi mengajar atau demo
 - Kelas lino cut atau silkscreen
 - Sesi mengajar melukis atau mewarna
- 3) stall kafe
 - menjual air dan makan ringan

Karya ada diadakan seminggu sekali sepanjang penjurian Bakat Muda Sezaman.

SIGNIFIKAN KARYA

Karya ini mengumpulkan para bekas pelajar seni rupa dan memberi pendedahan kepada mereka dan orang awam bagaimana 'art market' itu bergerak di ruang pasar yang rata-rata pengunjung orang awam. Karya ini jugak memberi pendedahan kepada orang awam mengenai kehidupan seniman dan cara mereka bekerja untuk melangsungkan kehidupan.

Artis mempunyai hubungan intrinsik dengan komuniti mereka dan memainkan peranan penting dalam memupuk semangat kekitaan dan identiti budaya. Mereka mempunyai kuasa untuk memberi inspirasi, melibatkan diri dan menyatukan orang ramai melalui ciptaan mereka. Dengan menangani isu tempatan, meneroka sejarah yang dikongsi, dan mencerminkan kepelbagaian pengalaman, artis menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan komuniti mereka. Mereka menyediakan platform untuk dialog, mencabar perspektif dan menggalakkan perpaduan sosial, akhirnya mengukuhkan ikatan yang mengikat individu dalam komuniti dan mewujudkan masyarakat yang lebih bertenaga dan inklusif.

Kajian tahap kebebasan artistik yang dimiliki oleh artis dalam setiap jenis ruang. Adakah ruang alternatif membenarkan lebih banyak seni eksperimen atau menolak sempadan berbanding dengan ruang komersial?

Bengkel atau acara semasa pameran untuk memberi peluang kepada orang ramai berinteraksi dengan artis dan mendapatkan pandangan tentang proses kreatif mereka secara komuniti.

Hasil dari projek ni (lukisan, catan, etc) hanyalah residue (bekas) bukan result (keputusan) akhir. Manakala, konsep projek ini lah yang harus diangkat sebagai 'karya'. Bermakna, karya ini menyah materikan karya, menganil bentuk idea sebagai 'bentuk'nya dan penekanan sering diberikan pada proses, idea, dan konsep asas dan bukannya hasil fizikal akhir. Perjalanan mencipta dan meneroka konsep menjadi bahagian penting dalam karya ini, dan produk akhir mungkin bersifat sementara, tidak material, atau bahkan tidak wujud dalam pengertian konvensional. Fokus utama adalah kepada idea-idea yang menimbulkan pemikiran dan mesej yang disampaikan oleh artis.

Lakaran Karya



Popup Kedai



Contoh khemah yang akan digunakan

Aktiviti



Popup untuk lukisan dan merchandise




Lino cut demo



Live drawing



Sesi mengajar atau mewarna



Kafe